

Dr

Mohd Yahya Mohd Ariffin

(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Banyak manfaat menabung dalam SSPN-i

Dalam tempoh 55 tahun selepas mencapai kemerdekaan begitu banyak kemajuan dicapai oleh negara tercinta ini yang dinikmati rakyatnya. Daripada aspek ekonomi hinggalah sosial termasuk pendidikan berjaya dimajukan oleh kerajaan.

Pada 2020 negara bakal tergolong sebagai sebuah lagi negara berstatus negara maju. Dalam konteks pendidikan tinggi, sejak merdeka saban tahun kerajaan memperuntukkan dana yang besar dalam bentuk biasiswa, dermasiswa atau pinjaman kepada pelajar cemerlang melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

Peruntukan itu bertujuan meningkatkan jumlah pelajar khususnya Bumiputera mendapat pendidikan tinggi bagi melahirkan modal insan yang berilmu dalam pelbagai bidang kritikal yang diperlukan negara.

Kemajuan sesebuah negara itu turut diukur oleh banyaknya bilangan rakyat

bijak pandai yang berperanan dalam sektor diceburi. Golongan inilah yang mencorakkan negara ini ke arah sebuah negara yang maju serta berpendapatan tinggi.

Kemajuan yang dicapai memberi kesan positif kepada pelajar sekolah di negara ini: Kemudahan infrastruktur sekolah yang baik, buku dan bahan bacaan yang disediakan serta guru-guru yang terlatih membolehkan semakin ramai mencapai keceMERLANGAN dalam pelajaran mereka.

Oleh hal yang demikian, persaingan untuk mendapat biasiswa atau pinjaman pelajaran yang disediakan semakin sengit. Ramai yang gagal untuk mendapat bantuan itu.

Lantaran itu, bagi memudahkan pelajar berpotensi untuk melanjutkan pengajian, kerajaan menubuhkan sebuah agensi pinjaman pendidikan iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Agensi ini ditubuhkan

di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) dan mula beroperasi pada 1 November 1997 di Bangunan Wisma Chase Perdana, Damansara Heights, Kuala Lumpur.

PTPTN berfungsi menguruskan pembiayaan untuk tujuan pendidikan tinggi dan memungut bayaran balik pinjaman di samping menyediakan skim simpanan serta mengurus deposit untuk tujuan pendidikan tinggi (www.ptptn.gov.my).

Agensi ini berperanan menyalurkan bantuan dalam bentuk pinjaman kepada calon yang berjaya mendapat tempat di institusi pengajian tinggi (IPT) awam atau swasta. Bantuan pinjaman ini sebenarnya telah meringankan beban kewangan ibu bapa dan para pelajar semasa pengajian.

Setakat ini PTPTN telah mengeluarkan pinjaman kepada ratusan ribu pelajar IPT sama ada yang bergraduat, bekerja atau melanjutkan pengajian.

Bagi meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya ilmu pendidikan untuk anak-anak dalam kalangan masyarakat, mulai 1 Januari 2012 pemohon PTPTN diwajibkan mempunyai akaun Tabung Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).

Tabungan SSPN-i

Tabungan SSPN-i ialah satu skim (instrumen) simpanan berlandaskan syariah yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi bakal pelajar IPT.

Syarat pembukaan akaun

Pendeposit dan penerima manfaat ialah warganegara Malaysia.

Pendeposit berumur 18 tahun dan ke atas.

Penerima manfaat berumur sehari hingga sebelum mencapai umur 29 tahun.

Salinan kad pengenalan/kad polis/ kad tentera pemohon.

Salinan mykad/mykid/sijil kelahiran anak.

Salinan surat akuan berkanun/sijil anak angkat (kes anak angkat di bawah jagaan pendeposit).

Keistimewaan

1 Layak memohon pembiayaan pendidikan PTPTN.

2 Pelepasan cukai pendapatan ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM3,000 setahun (Kadar potongan sehingga 26 peratus atau RM780).

3 Perlindungan Takaful secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan melebihi RM1,000.

Perlindungan insurans berupa manfaat dan/atau khairat kematian hanya layak untuk pendeposit yang berumur 18 hingga 65 tahun. Sementara penerima manfaat yang berumur 1 hari hingga 28 tahun hanya layak mendapat khairat kematian jika berlaku kematian ke atasnya.

4 Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak. Geran ini untuk keluarga yang berpendapatan bulanan (gaji pokok) tidak melebihi RM2,000 sebulan

apabila anak mendaftar masuk ke IPT yang diiktiraf Kerajaan pada peringkat diploma dan ke atas.

Penerima manfaat hendaklah berumur kurang daripada 29 tahun ketika permohonan pengeluaran Geran Sepadan. Jumlah pemberian Geran Sepadan (maksimum RM10,000) akan ditentukan setelah mengambil kira tempoh simpanan SSPN-i dan jumlah simpanan.

5 Simpanan serendah RM20.00 pada bila-bila masa dan dijamin oleh kerajaan.

6 Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan.

7 Kemudahan menyimpan di lebih 1,500 ejen PTPTN di seluruh negara.

8 Kemudahan simpanan melalui potongan gaji. PTPTN memperkenalkan kaedah potongan gaji bertujuan memudahkan pemegang akaun SSPN-i membuat penabungan. Kemudahan ini disediakan kepada kakitangan awam dan swasta.

Mereka perlu mempunyai akaun SSPN-i yang boleh dibuka di Kaunter Perkhidmatan PTPTN di KL Sentral, ejen PTPTN atau kaunter promosi SSPN-i. Maklumat lanjut layari www.ptptn.gov.my atau hubungi talian 03-20804455.

Sesungguhnya, PTPTN ialah satu daripada instrumen kewangan untuk pendidikan tinggi hasil daripada kemerdekaan.